

SEMASA

## Pendaftaran dibuka hujung Januari, ini 10 perkara ibu bapa perlu tahu tentang program vaksinasi kanak-kanak

Khamis, 20 Januari 2022 6:15 PM

Oleh: **SHUHANIZA SAID**



Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin mengadakan sidang media mengenai program vaksinasi kanak-kanak di Parlimen, pada Khamis.

**KERAJAAN** akan memulakan program vaksinasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun, bermula Februari ini.

Dalam satu sidang media di Parlimen pada Khamis, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, program vaksinasi tersebut dilaksanakan melihat kepada keperluan untuk melindungi populasi kanak-kanak, susulan peningkatan kes Covid-19 dalam kalangan golongan tersebut mutakhir ini.

Berikut adalah 10 perkara mengenai program vaksinasi kanak-kanak yang bakal dilaksanakan bulan depan:

- 1) KKM akan melaksanakan pemberian vaksin Covid-19 untuk kanak-kanak berusia 5 hingga bawah 12 tahun bermula Februari 2022 sebaik vaksin Pfizer (kanak-kanak) tiba di Malaysia mulai 31 Januari 2022.
- 2) Pelancaran program pemberian vaksinasi kanak-kanak ini akan diadakan pada 3 Februari 2022 di Hospital Tunku Azizah, Kuala Lumpur.
- 3) Sistem tempahan janji temu melalui MySejahtera akan bermula pada penghujung Januari 2022. Tempahan janji temu vaksinasi akan dibuka secara berperingkat bermula 31 Januari 2022 dan dibuka kepada ibu bapa yang tinggal di Lembah Klang dahulu. Sebagai permulaan, ibu bapa boleh mula mendaftarkan anak sebagai tanggungan dalam aplikasi MySejahtera mereka.

- 4) Program vaksinasi kanak-kanak ini memerlukan dua suntikan dos vaksin dengan sela masa lapan minggu selepas dos pertama.
- 5) Formulasi vaksin Covid-19 Comirnaty yang akan digunakan dalam program vaksinasi ini adalah formulasi khas untuk kanak-kanak dan dibekalkan di dalam bebuli 10-dos (penutup jingga) dan perlu dicampur dengan 1.3 mL larutan garam biasa.
- 6) Setiap dos yang diberikan adalah 0.2 mL dan mengandungi 10mcg vaksin mRNA. Dos ini merupakan satu pertiga daripada dos yang digunakan di dalam dos dewasa.
- 7) Keutamaan untuk pemberian vaksin pada permulaan program ini adalah kepada kanak-kanak yang mempunyai masalah kesihatan merangkumi penyakit respiratori kronik; kardiovaskular; Immunosuppression; kencing manis; penyakit ginjal kronik; dan penyakit saraf.
- 8) Vaksin Comirnaty formulasi khas untuk kanak-kanak ini juga telah dilaksanakan di beberapa negara termasuklah Amerika Syarikat, Kanada, Israel, Australia dan Singapura.
- 9) Kesan sampingan seperti sakit pada tempat suntikan, kemerahan dan bengkak. Tindak balas sistemik pula termasuklah keletihan, pening kepala, sakit otot, menggigil dan demam. Kebanyakan kesan sampingan vaksin ini adalah ringan dan sederhana, serta tidak berpanjangan.
- 10) Suntikan vaksinasi kanak-kanak tidak diwajibkan sebaliknya untuk mendidik ibu bapa.